

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja berimbuhan apitan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja berimbuhan apitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Pulau Pangkor merupakan destinasi pelancongan yang terkenal di negara kita. Di pulau ini, pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti menaiki perahu pisang, menyusur pulau dan berkayak. Bagi pengunjung yang ingin bercuti ke pulau ini, mereka boleh memilih agensi-agensi pelancongan yang menawarkan pelbagai pakej dan perkhidmatan yang menarik. Selain melihat keindahan di sekitar Pulau Pangkor, orang ramai juga dapat menikmati panorama indah di pulau-pulau kecil yang berhampiran dengan Pulau Pangkor seperti Pulau Giam dan Pulau Mentagor.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Fenomena Air Surut Tarikan Pulau Pangkor'
oleh Kalam Jambu,
Dewan Siswa, Bil. 04/ 2022

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis pola bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS).*

Pola Ayat: FN+FK

FN: Penyakit virus Ebola

FK: merupakan penyakit serius yang boleh menjangkiti manusia dan haiwan

Penyakit virus Ebola merupakan penyakit serius yang boleh menjangkiti manusia dan haiwan. Penyakit ini boleh tersebar melalui darah, organ dan cecair badan haiwan yang telah dijangkiti penyakit tersebut. Kajian mendapati, penyebar utama wabak Ebola ialah kelawar buah yang banyak menghuni di sekitar Afrika Barat. Pada peringkat awal jangkitan, tubuh pesakit virus Ebola akan lemah, lesu dan kekurangan air. Seterusnya, pesakit akan mengalami demam, sakit kepala, hilang selera makan dan akhirnya mengalami pendarahan yang boleh membawa kematian. Oleh itu, langkah utama untuk mengelakkan penyakit Ebola menjadi lebih serius adalah dengan pesakit mendapatkan rawatan segera selepas terdedah kepada virus tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sejarah Penyakit Ebola'
oleh Nor Azida Ishak,
Dewan Siswa, Bil. 12/ 2022

[6 markah]

- 3 Wawancara di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang terdapat dalam wawancara. Anda tidak perlu menyalin wawancara tersebut.*

PENGARANG : Tahniah atas kejayaan saudara dalam bidang sukan sehingga di pilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Sukan SMK Tuanku Puteri pada tahun ini. Bagaimanakah perasaan saudara apabila diberitahu sebagai penerima anugerah ini?

RAVINDRAN : Saya berasa sangat gembira kerana tidak menganggap akan menerima anugerah ini. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak sekolah kerana telah memilih saya.

PENGARANG : Apakah bidang sukan yang anda ceburi sehingga anda dinobatkan sebagai tokoh sukan?

RAVINDRAN : Pembabitan sukan yang paling banyak disertai oleh saya ialah sukan olahraga terutamanya dalam acara larian. Saya berjaya menangi tiga pingat emas dalam acara individu dan satu pingat perak dalam acara berpasukan. Pencapaian ini melayakan saya menerima anugerah Olahragawan Sukan Peringkat Daerah Kulai.

PENGARANG : Apakah resepi kejayaan saudara?

RAVINDRAN : Latihan yang bersungguh-sungguh dan keyakinan terhadap kemampuan diri merupakan rahsia kejayaan saya. Selain itu, saya terhutang budi pada abang saya kerana beliau banyak membimbing saya dalam acara olahraga. Ibubapa, guru-guru, dan rakan-rakan saya menjadi pendorong utama kejayaan ini. Tanpa sokongan mereka, kejayaan ini tidak mungkin akan tercapai.

PENGARANG : Terima kasih sekali lagi kerana sudi meluangkan masa bersama dengan saya. Saya mendoakan saudara beroleh kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Karangan Jenis Wawancara'
www.scribd.com

[11 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah pekerjaannya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kemukakan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan dan nyatakan peribahasa yang sama maksud.*

Situasi perbualan antara Ibu dengan Abang selepas mendengar pertengkaran anak-anaknya.

ABANG : Abang tidak bersetuju dengan keinginan Adik untuk membeli telefon bimbit. Ibu jangan risau, pertengkaran antara kami tidak akan berlarutan kerana carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.

IBU : Kenapa Abang tidak bersetuju?

ABANG : Pada pendapat Abang, telefon bimbit Adik yang lama masih boleh digunakan lagi. Jika dia membeli telefon bimbit yang baharu, sudah pasti telefon bimbit lamanya tidak akan digunakan ibarat sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.

IBU : Ya Abang. Ibu juga berpendapat demikian. Ibu sudah memberikan nasihat kepada Adik, namun dia tidak mengendakkannya ibarat masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Begitulah sikap adik.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 Markah]**

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Aktiviti kokurikulum didefinisikan sebagai gerak kerja di luar bilik darjah. Setiap pelajar wajib melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum yang melibatkan tiga bidang, iaitu pasukan badan beruniform, kelab atau persatuan dan sukan. Pelibatan murid dalam aktiviti ini membantu membentuk jati diri yang kukuh dan berkeyakinan, di samping mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran di dunia luar. Bagi menggalakkan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, pihak sekolah boleh mengadakan pelbagai aktiviti menarik seperti perkhemahan di dalam hutan, pertandingan kawad kaki dan aktiviti membaca peta untuk menuju ke sesebuah lokasi. Kini, pelibatan aktif generasi muda dalam aktiviti kokurikulum pada peringkat sekolah telah berkembang ke peringkat universiti.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pasukan Badan Beruniform Meningkatkan Keterampilan Modal Insan'
oleh Mohd Rizal Azman Rifin,
Dewan Siswa , Bil 3/2025

Bahan 2

NILAI – Menteri Pendidikan Malaysia, YB Fadhlina Sidek pada hari ini merasmikan Karnival Kokurikulum Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Inti International University, Nilai, Negeri Sembilan. Antara aktiviti sepanjang karnival tersebut termasuklah pertandingan kraf tangan yang melibatkan pasukan beruniform sekolah. Menurut YB Fadhlina Sidek, karnival yang melibatkan anak-anak dalam pasukan beruniform sangatlah penting kerana salah satu matlamat penubuhan pasukan beruniform di sekolah adalah untuk menonjolkan potensi diri.

Tambahnya lagi, karnival tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pendidikan kepada murid dengan ilmu yang tidak dapat diperoleh secara terus di dalam bilik darjah. Persembahan pantomin dan pelbagai jenis tarian tempatan juga turut diadakan di setiap sekolah seluruh Malaysia pada 7 dan 8 Mei 2024 mengikut jadual slot aktiviti yang telah disediakan. Oleh itu, murid-murid perlu mengambil peluang untuk turut serta dalam setiap aktiviti yang dianjurkan sepanjang karnival tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kokurikulum Pelengkap Pendidikan Holistik Murid'
oleh Aisyah A,
www.dewanmasyarakat.com

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan aktiviti-aktiviti sepanjang Karnival Kokurikulum Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.
- [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, terdapat beberapa kepentingan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Nyatakan kepentingan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Walaupun pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan untuk menggalakkan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, namun segelintir murid dikatakan masih tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti tersebut.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebabnya?

[3 markah]

- (iv) Sekolah anda akan mengadakan Perkhemahan Perdana anjuran Unit Kokurikulum. Walau bagaimanapun, tidak ramai murid yang ingin menyertainya. Sebagai guru penasihat salah satu badan beruniform sekolah yang bertanggungjawab, anda perlu menarik minat ahli unit uniform anda supaya mendaftarkan diri dalam perkhemahan tersebut.

Nyatakan tindakan-tindakan anda.

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**HAKIKAT BAHASA**

Bahasa,
ada jutaan tutur pelosok dunia,
merentas rencam dan budaya,
berlengkok bermacam cara,
kasar tapi lembut pada makna,
tinggi, rendah, mendayu aneka suara,
pendek kata,
manusia penghias bahasa.

Bahasa,
cerminan sebuah bangsa,
maju atau mundur dikira,
bahasalah menjadi ukurannya,
adakah bangsa bangga menuturkannya?
atau malu berlidah ibunda,
menyanjung tinggi apa di luar jendela,
atau kagum dengan kebolehan anak bangsa,
bahasa menjadi titik mula.

Bahasa,
tanda kemuliaan bangsa,
membina tamadun kota,
dari sempit hingga seluasnya,
membuka jendela sejagat,
majulah negara dengan bahasa.

Hasan Z. Ali
Gombak
Pelita Bahasa, Bil. 06/2024

Bahan 2

“Tuan, saya ingin bertanya...”. Aku ternampak akhirnya dia mendapat peluang untuk mencelah.

“Mengapakah ketika tuan menjawab soalan daripada pemberita, tuan menggunakan bahasa rojak? Tuan sebagai ikon masyarakat sepatutnya menggunakan bahasa Melayu yang betul masa berkomunikasi.”

“*You* ni daripada akhbar mana?” Tokoh korporat itu membalas tanya dengan nada yang sedikit jengkel.

“Saya ini penulis daripada sebuah majalah baharu, iaitu *Martabat Bahasa*. Tuan tolong jawab soalan saya tadi.”

“Saya cakap ni secara santai, terpulang awak nak tulis bahasa yang betul nanti.”

“Tetapi rakaman dibuat secara langsung, bukankah ini memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa tuan tidak memartabatkan bahasa Melayu, sedangkan pertanyaan dalam bahasa Melayu dan penontonnya orang Malaysia yang wajib tahu dan faham akan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kita,” tingkah Shahizul, kata-katanya dalam satu nafas.

Dipetik daripada cerpen ‘Hujah Seorang Bahadur Bahasa’

oleh Zurhan Bakar,

Pelita Bahasa, Bil. 08/2024

Bahan 3**SELOKA BAHASA TERNAMA**

Bahasa ternama bahasa berjiwa
bahasa warisan khazanah cendekia
bahasa bangsa berminda merdeka
bahasa tamadun sebuah negara.

Bahasa ternama bahasa bermaruah
bahasa kata bersusun indah
bahasa bermadah wadah sahsiah
bahasa pendeta di persada ilmiah.

Bahasa ternama bahasa berwibawa
bahasa intelektualisme rujukan dunia
bahasa wacana pelbagai bangsa
bahasa perpaduan mendamaikan sengketa.

Ramlan Abd. Wahab
Shah Alam, Selangor
Pelita Bahasa, Bil. 02/2024

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, mengapakah Shahizul berasa tidak puas hati terhadap tokoh korporat tersebut?

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kepentingan bahasa dalam masyarakat.

[4 markah]

- (iii) Masalah penggunaan bahasa rojak dalam kalangan pengguna media sosial terutamanya golongan muda perlu dikawal dengan segera.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk mengawal masalah tersebut?

[3 markah]

- (iv) Anda mempunyai seorang rakan pena dari luar negara yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dia meminta bantuan anda untuk membantunya supaya dapat berbahasa Melayu dengan lebih fasih dan lancar.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk membantunya.

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petugas di kaunter terpaksa menunggu beberapa minit kerana wanita itu kembali berbual di telefon. Farisha mula mengeluh, dia jelak dengan perlakuan sesetengah manusia yang bagaikan tidak mampu hidup jika panggilan telefon bimbit tidak dijawab. Dia mengetuk-ngetuk pemegang beg plastik beroda, cuba memberikan isyarat kepada wanita di hadapannya.

"Minta maaf puan, boleh teruskan dengan daftar masuk? Barisan ni makin panjang." Tidak semena-mena lelaki di belakang Farisha menegur wanita yang asyik berbual di telefon. Wanita itu menoleh ke arah lelaki di belakang Farisha. Dia terkejut dan kelihatan sedikit marah tetapi ekspresi wajahnya tiba-tiba berubah dan dia mematikan telefon lantas meneruskan urusan di kaunter.

Farisha melepaskan nafas lega. Dia berpaling lagi ke arah lelaki tadi.

"Terima kasih, encik," ucapnya ringkas. Lelaki itu cuma mengangguk sambil tersenyum.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, apakah tindakan-tindakan wanita itu setelah ditegur oleh lelaki di belakang Farisha?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Tuhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusof
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan kepentingan hubungan kekeluargaan dalam setiap novel.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.*


Bahan 1

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin berkembang selaras dengan Dasar Pendidikan Digital tahun 2023. AI merupakan simulasi kecerdasan manusia yang diwujudkan dalam sistem komputer yang menyerupai kepintaran manusia seperti belajar, berfikir, menganalisis data dan membuat keputusan. Pengintegrasian AI dalam pendidikan memberikan peluang kepada guru-guru untuk mencuba pelbagai kaedah pengajaran mengikut minat dan kecenderungan masing-masing. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh mengadakan kursus penggunaan AI dalam pengajaran agar guru-guru lebih mahir untuk menggunakan kemudahan AI dalam pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, kemudahan AI ini perlu dikaji sebelum benar-benar boleh digunakan sepenuhnya di dalam bilik darjah.

Perkembangan digital yang pesat dalam dunia pendidikan mendorong KPM untuk bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital bagi menyediakan capaian perkhidmatan jalur lebar di setiap institusi pendidikan. Kerjasama ini dibuat bagi menyediakan kemudahan Internet yang lebih luas dan pantas kepada warga pendidik untuk menggalakkan mereka menggunakan kemudahan AI di peringkat sekolah. Pada masa yang sama, kemudahan yang disediakan ini dapat membantu guru-guru dan murid-murid untuk mengakses pelbagai aplikasi AI dengan lebih cepat dan efisien. Namun begitu, jika kemudahan ini tidak diurus dengan baik, pengguna berisiko terdedah dengan serangan siber melalui capaian maklumat tidak sah, kebocoran dan penyalahgunaan data. Selain itu, KPM turut memperkenalkan platform Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA) sebagai salah satu sumber akses ke kandungan digital yang berkualiti kepada guru-guru dan murid-murid. Melalui platform DELIMA ini, wujud pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk menghasilkan lebih banyak bahan pembelajaran interaktif seperti Kahoot, Quizizz dan Live Worksheet.

Untuk menarik minat murid terhadap pelajaran, guru boleh menggunakan kemudahan AI untuk mencipta simulasi dan animasi bagi membantu murid memahami konsep-konsep abstrak seperti dalam mata pelajaran Sains dan Matematik sekali gus meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Walau bagaimanapun, penggunaan aplikasi AI ini tidak boleh menggantikan peranan guru dalam pembinaan karakter dan nilai-nilai murni dalam diri setiap murid di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dasar Pendidikan Digital,
oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
www.moe.gov.my

Bahan 2

Bahan 3**PANTUN PENDIDIKAN DIGITAL**

Gemerlap emas batuan kristal,
Bersinar bak bintang indah kurnia;
Tidak terbatas ilmu digital,
Teknologi berkembang merentas dunia.

Di perdu cengal lambakan lokan,
Sandaran perwira perkasa putra;
Peranti digital kerajaan sediakan,
Murid gembira guru sejahtera.

Hutan Belum pusaka watan,
Rimbunan dahan hiasan bumi;
Bidang kokurikulum AI gunakan,
Agar pendidikan terus bersemi.

GURU AI
Taman Kota

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT